

B 8748 DEB  
**MAHATHIR-PAKATAN**

**KUALA LUMPUR, 27 JULAI (BERNAMA) -- PAKATAN 13 PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL BERNIAT SEMATA-MATA HENDAK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN MEMBANGUNKAN NEGARA, KATA Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.**

**PAKATAN ITU DIWUJUDKAN DENGAN TERANG-TERANG DAN IKHLAS DAN TIDAK SECARA SULIT SEPERTI YANG DIBUAT OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG, KATANYA SEBELUM MELAKUKAN UPACARA MEMECAH TANAH PROJEK MEMBINA 1,000 UNIT RUMAH RANGSA KOS RENDAH +SRI KEDAH+ DI GOMBAK, DEKAT SINI.**

**+GABUNGAN PARTI-PARTI DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK DALAM BN BERTUJUAN MEMUJUDKAN KERJASAMA ANTARA KAUM SUPAYA PERPADUAN DAPAT DILAHIRKAN DENGAN MATEMAT MENJAYAKAN PEMBANGUNAN DAN KESTABILAN NEGARA,+ KATANYA.**

**PADA PILIHAN RAYA UMUM INI, TEGASNYA, KERJASAMA ANTARA PARTI KOMPONEN TERUS TERJALIN DENGAN ERAT DENGAN TIADA PARTI YANG MENCUBA MENIPU RAKAN SEPERTI MELETAKKAN CALON BEBAS MENENTANG CALON RASMI BN.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA PARTI-PARTI PEMBANGKANG GAGAL MEMUJUDKAN PAKATAN SEPERTI BN DAN MEREKA KINI MULA BERPECAHBELAH WALAUPUN KEMPEN BARU EMPAT HARI. -- LAGI  
1906MST 27 07 86**

B 8756 DEB

**MAHATHIR-PAKATAN 2 KUALA LUMPUR**

**YANG DIKATAKAN PAKATAN ANTARA PAS, NASMA, PSRM, SDP DAN PARTAI PEKERJA MALAYSIA (PPM) KINI HANYA TINGGAL NAMA DAN MENGUNDI CALON-CALON PAKATAN ITU MERUPAKAN SATU KERJA SIA-SIA DAN TIDAK BERMANFAAT, KATA Perdana Menteri.**

**BELIAU BERKATA Pengerusi SDP Ahmad Nor mencuba memperguna isu gaji kakitangan awam bagi kepentingan politiknya semasa beliau menjadi presiden CUEPACS tetapi gagal.**

**BELIAU KINI TERPAKSA MELANJUTKAN PERJUANGAN POLITIKNYA DALAM SDP YANG, MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, SEBUAH PARTI YANG TIDAK BERPENGARUH DAN TIDAK MUNGKIN MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT.**

**MASALAH TUNTUTAN PELARASAN GAJI TELAH PUN SELESAI DAN KINI KAKITANGAN AWAM TIDAK LAGI MENARUH PERASAAN BENCI TERHADAP KERAJAAN, MALAHAN CUEPACS BERKECUALI PADA PILIHAN RAYA 2 DAN 3 OGOS, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.**

**PENYERTAAN PAS PADA PILIHAN RAYA PULA SEMATA-MATA UNTUK Mencari undi dan bukan untuk menubuhkan kerajaan, berkhidmat untuk rakyat atau menegakkan prinsip-prinsip perjuangannya, kata beliau. -- LAGI  
1924MST 27 07 86**

U B762 DEB  
MAHATHIR - PAKATAN 3 KUALA LUMPUR

USAHA PAS MENGANJURKAN MAJLIS PERUNDINGAN CINA (CCC) DAN BEKERJASAMA DENGAN JAWATANKUASA HAK ASABI (CRC) KINI HANCUR BERKECAI KERANA PUCUK PIMPINAN PARTI ITU MENEGASKAN BUKAN ISLAM TIDAK BOLEH BERTANDING PADA PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBIDAS PAS KERANA MENYEKUTUKAN ALLAH DENGAN MANUSIA BIASA APABILA PARTI ITU MENDAKWA IA PARTI ALLAH.

BELIAU SETERUSNYA MENGEMUKAKAN BEBERAPA SOALAN KEPADA PAS KHUSUSNYA KEPADA NAIB PRESIDENNYA HAJI HADI AWANG MENGENAI HASRATNYA UNTUK MENUBURKAN KERAJAAN ISLAM, ANTARANYA:

+ APAKAH PAS AKAN MELAKSANAKAN HUKUM HUDUD (MEMOTONG TANGAN, KAKI DAN LEKER) KEPADA ISLAM SAHAJA ATAU KEPADA KEDUA-DUA ISLAM DAN BUKAN ISLAM.

+ SIAPAKAH YANG AKAN MENJATUHI HUKUM HUDUD ITU, HANYA HAKIM BERAGAMA ISLAM ATAU HAKIM BUKAN BERAGAMA ISLAM JUGA AKAN DILANTIK UNTUK TUJUAN ITU, DAN

+ ADAKAH BUKAN ISLAM JUGA AKAN DIBENARKAN MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA, JIKA TIDAK TENTUNYA 46 PERATUS PENDUDUK NEGARA INI AKAN HILANG HAK MENGUNDI. -- LAGI

1941MST 27 07 86

D807

U B766 DEB  
MAHATHIR - PAKATAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN APABILA MEMILIH BN RAKYAT AKAN TAHU LEBIH AWAL KEMAMPUAN DAN APA YANG MEREKA BOLEH DAPAT TETAPI KALAU PAS ATAU DAP +KITA BELUM TAHU TABIAT MEREKA MEMERINTAH+.

SEBELUM ITU SEMASA MERASMIKAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA PASAR DATUK KERAMAT DAN PUSAT PERNIAGAAN DI SINI, PERDANA MENTERI MENINGATKAN RAKYAT BERHATI-HATI AKAN TINDAK-TANDUK PAS DAN DAP BEKERJASAMA YANG BERTUJUAN SEMATA-MATA BAGI MENGGAGALKAN PEMILIHAN CALON BN.

BELIAU YAKIN PENGUNDI-PENGUNDI MELAYU, CINA DAN INDIA TIDAK AKAN TERPEDAYA DENGAN PAKATAN SULIT KEDUA-DUA PARTI DAN TENTUNYA USAHA JAHAT ITU AKAN GAGAL.

KATANYA, BN MELETAKKAN CALON DI KESEMUA 177 KERUSI PARLIMEN MEWAKILI KESEMUA 13 PARTI KOMPONEN DAN SETIAP PARTI TETAP AKAN DIWAKILI DALAM KERAJAAN YANG DIBENTUK OLEH BN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM MINGGU DEPAN.

YANG TURUT MENGIRINGI DATUK SERI DR MAHATHIR KE KEDUA-DUA UPACARA ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, CALON-CALON BN KAWASAN TITIWANGSA DRS SULAIMAN MOHAMED, DATUK ALEX LEE (BATU) DAN ENCIK LAM WENG KEONG (KEPONG). -- BERNAMA

1954MST 27 07 86